

01 APR 1997

Mahathir-lawat

DR MAHATHIR LAWAT KELANTAN JUMAAT INI

KOTA BAHARU, 1 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Kelantan Jumaat ini.

Dr Mahathir dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa dekat sini, dengan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia pada pukul 8.45 pagi dan akan disambut oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan pemimpin-pemimpin negeri lain termasuk dari Barisan Nasional dan ketua-ketua Jabatan.

Beliau akan diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Menurut Jabatan Penerangan Kelantan Perdana Menteri mempunyai jadual ketat bermula dari pukul 9 pagi iaitu merasmikan kilang Koperasi Usaha Bersatu (KUB) Tekstil di Pengkalan Chepa, dekat sini.

Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama antara KUB Malaysia Berhad dan Kerajaan negeri Kelantan, bagi memajukan projek Petrokimia di Pantai Senok.

Pada pukul 10.30 pagi, Perdana Menteri akan melawat dan merasmikan kilang Ain Medicare di Pengkalan Chepa.

Pada petangnya, Dr Mahathir dijadualkan menyampaikan amanat kepada pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan dan negeri, wakil-wakil korporat, pemimpin-pemimpin masyarakat diikuti dengan dialog di dewan Sri Pendekar, Wadi Sofia, Binjai dekat sini, pada pukul 3 petang.

Dr Mahathir juga dijangka menghadap Sultan dan Raja Perempuan Kelantan pada pukul 5 petang di Istana Mahkota di sini, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 6.30 petang. --BERNAMA

BD WAT